

21 JUN 1999

YTL-BT BINTANG

YTL LABUR RM15 JUTA UNTUK JADIKAN BT BINTANG SYURGA BELI BELAH

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Sebagai sebahagian daripada rancangannya untuk menjadikan Bukit Bintang sebagai syurga membeli belah bagi pelancong tempatan dan luar negara, Kumpulan YTL dijangka membelanjakan antara RM10 juta dan RM15 juta mulai sekarang hingga 1 Disember tahun ini bagi Pelan Induk Daerah Membeli Belah Bukit Bintang.

Pelan induk ini meliputi harta milik kumpulan YTL seperti hotel-hotel Ritz Carlton dan J.W.W. Marriot serta pusat-pusat membeli belah Lot 10 dan Star Hill, yang akan dikenali sebagai kawasan Star Hill.

J.W.W. Marriot, Star Hill dan Lot 10 telah dibeli oleh YTL Corporation melalui sebuah anak syarikatnya daripada Taiping Consolidate Bhd lewat tahun lalu.

Pengarah urusan YTL Corporation Tan Sri Francis Yeoh Sock Ping berkata menjelang 1 Disember, kawasan ini akan rancak dan bertenaga semula.

Wajah baru ini juga akan mengingatkan orang ramai supaya mesra alam, katanya.

Menurut Yeoh kawasan Bukit Bintang mempunyai potensi untuk menarik 400,000 orang tetapi pengunjungnya tidaklah begitu ramai kerana kawasan ini tidak dirancang dengan baik dari segi prasarana dan tidak begitu mesra beli belah.

"Tetapi kami berhasrat mengatasi ini semua menjelang 1 Disember apabila projek ini siap kelak," katanya pada satu majlis taklimat hari ini. Beliau menambah kata bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed telah bersetuju untuk melawat dan melihat perubahan kawasan membeli belah itu.

Yeoh meramalkan bahawa pelaburan syarikat itu bersifat jangka panjang dan sanggup menambah modal di masa akan datang bagi meningkatkan imej kawasan tersebut.

Beliau meyambut baik langkah kerajaan untuk menghapuskan cukai ke atas beberapa barangan tertentu seperti tas tangan, beg pakaian, aksesori dan kasut kulit, yang merupakan antara barangan kegemaran ramai dalam senarai beli belah pelancong, mulai 22 Mei.

Langkah kerajaan ini akan mengelakkan keutamaan diberikan untuk membeli belah di tempat lain dan rungutan tentang kekurangan pilihan barangan berjenama yang terkini di Malaysia, disebabkan oleh cukai yang dikenakan, katanya.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, yang mengumumkan penghapusan cukai tersebut hari ini, berkata peruncit-peruncit harus memindahkan faedah ini kepada pengguna.

Katanya, kerajaan sentiasa bersikap terbuka untuk menerima cadangan-cadangan bagi memanjangkan senarai cukai-cukai yang hendak dihapuskan bagi mempertingkatkan kedudukan Malaysia sebagai syurga membeli belah.

Mengenai sektor pelancongan negara ini tahun ini, katanya sasaran yang ditetapkan ialah untuk menarik 5.8 juta pelancong, bagi menghasilkan pendapatan tukaran asing berjumlah RM9.8 bilion berbanding 1998 apabila 6.8 juta pelancong menyumbang pendapatan tukaran asing berjumlah RM9.3 bilion.

-- BERNAMA

MSL KY MA